MCIS INSURANCE BERHAD Registration No.: 199701019821 (435318-U)

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Address:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

mcis LIFE
member of Sanlam group

Merchantrade Insure – Life

NOTIS PENTING

Polisi ini merupakan Polisi Merchantrade Insure – Life Kami. Sila baca Polisi ini dengan teliti bersama Jadual Manfaat untuk memastikan Anda memahami terma dan syarat dan Perlindungan yang Anda perlukan disediakan. Jika Anda mempunyai sebarang soalan selepas membaca dokumen ini, sila hubungi penasihat insurans Anda atau MCIS Insurance Berhad. Jika terdapat sebarang perubahan dalam keadaan Anda yang mungkin mempengaruhi insurans yang disediakan, sila maklumkan kepada Kami dengan serta-merta, jika tidak Anda mungkin tidak mendapat manfaat penuh Polisi ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Sekiranya Anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Kami:
   (a) Telefon Kami di +603-7652 3388 pada Isnin ke Jumaat (8.30am hingga 5.30pm); atau
   (b) Emel Kami dengan maklum balas atau pertanyaan Anda di customerservice@mcis.my; atau
   (c) Emel Kami aduan Anda di complaint@mcis.my.

2. Sekiranya Anda tidak puas hati dengan perkhidmatan yang Kami sediakan, Anda boleh merujuk perkara kepada:

   Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
   (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
   Tingkat 14, Blok Utama,
   Menara Takaful Malaysia,
   No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
   50000 Kuala Lumpur.
   Tel : 03-2272 2811
   Faks : 03-2272 1577

   Bank Negara Malysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNM LINK)
   Bank Negara Malaysia
   P.O. Box 10922
   50929 Kuala Lumpur.
   Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
   Tel Luar Negara : +603-2174-1717
   Faks : +603-2174-1515
   Web : bnmlink.bnm.gov.my

Polisi ini dikeluarkan sebagai pertimbangan bagi pembayaran Premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan menurut jawapan yang diberikan di dalam borang cadangan Anda (atau apabila Anda memohon untuk insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang Anda buat antara masa penghantaran cadangan Anda (atau apabila Anda memohon untuk insurans ini) dan masa kontrak ini dibuat. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang Anda berikan hendaklah membentuk sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku salah nyata pra-kontrak yang dibuat berkenaan dengan jawapan Anda atau dalam sebarang pendedahan yang Anda berikan, remedi untuk Anda adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Remedi-remedi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada syarat yang dinyatakan dalam Polisi ini di bawah peruntukan Salah Nyata Umur dan peruntukan Penipuan di bawah seksyen Syarat-syarat Am Polisi ini.

Polisi ini mewakili terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami. Kami berhak untuk meminda terma dan syarat Polisi ini dengan memberi Anda notis awal tiga puluh (30) hari. Kami akan menentukan kaedah komunikasi yang Kami anggap wajar.

Manfaat 1 – Manfaat Kematian Asas (Perlindungan Sedunia)

Apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan semasa Polisi ini berkuatkuasa, Kami akan membayar Manfaat Kematian Asas seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Polisi ini akan ditamatkan selepas itu.

Manfaat 2 – Manfaat Kematian Tambahan Akibat Penyakit Khusus (Perlindungan Sedunia)

Apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan akibat demam Denggi, demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Influenza Burung, atau virus Zika semasa Polisi ini berkuatkuasa, Kami akan membayar satu amaun sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian Asas seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Polisi ini akan ditamatkan selepas itu.

DEFINISI POLISI AM

Sebarang perkataan atau pernyataan, yang mempunyai maksud khusus, hendaklah membawa maksud yang diberikan kepada perkataan atau pernyataan yang ditemui di dalam Polisi ini dan/atau Jadual Manfaat.

	ISTILAH	MAKSUD
1.	**Pentadbir**	Merujuk kepada Merchantrade Asia Sdn Bhd ("Merchantrade").
2.	**Perlindungan**	Bermaksud sejauh mana perlindungan insurans diberikan oleh Polisi ini.
3.	**Tempoh Insurans**	Bermaksud tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Polisi ini.
4.	**Tempoh Tangguh**	Bermaksud jangka masa tambahan selepas tarikh kena bayar Premium di mana bayaran boleh dibuat tanpa sebarang denda sambil memastikan Polisi ini terus berkuatkuasa.
5.	**Polisi**	Dokumen ini dianggap sebagai Polisi.
6.	**Premium**	Bermaksud jumlah bayaran secara berkala yang Kami perlukan untuk memberikan Perlindungan di bawah Polisi ini bagi manfaat-manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.
7.	**Jadual Manfaat**	Bermaksud senarai manfaat dan Jumlah Asas Diinsuranskan.
8.	**Jumlah Asas Diinsuranskan**	Bermaksud jumlah yang ditetapkan bagi setiap manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang merupakan jumlah maksimum yang Kami akan bayar sekiranya timbul tuntutan(-tuntutan).
9.	**Perbuatan Haram / Tidak Sah**	Merujuk kepada sebarang perbuatan yang merupakan kesalahan atau yang dilarang di bawah undang-undang atau peraturan kawasan geografi di mana perbuatan tersebut dilakukan. Perbuatan Haram/Tidak Sah termasuk tetapi tidak terhad kepada memandu kenderaan bermotor tanpa lesen memandu sah, melebihi sebarang had kelajuan yang ditetapkan, memandu semasa berada di bawah pengaruh alkohol dan umumnya sebarang ketidakpatuhan atau perlanggaran Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Perbuatan Haram/Tidak Sah juga termasuk sebarang penyertaan dalam atau bertindak sebagai peserta dalam sebarang jenayah atau percubaan melakukan jenayah atau kesalahan.
10.	**Kami / Syarikat**	Bermaksud MCIS Insurance Berhad.
11.	**Anda / Hayat yang Diinsuranskan**	Bermaksud orang(-orang) yang dinamakan sebagai Hayat yang Diinsuranskan di dalam Jadual Polisi dan yang menerima Perlindungan menurut Polisi ini yang dikeluarkan kepadanya.

APA YANG TIDAK DILINDUNGI

Pengecualian ini digunapakai sepanjang Polisi ini. Manfaat-manfaat di bawah Polisi ini tidak akan melindungi sebarang kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian berikut:

1. Sebarang Perbuatan Haram/Tidak Sah atau pendedahan sengaja kepada bahaya (selain daripada percubaan menyelamatkan nyawa manusia), kecederaan disengajakan, bunuh diri atau percubaan bunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.

2. Peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau sebarang tindakan berkenaannya, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pelaksanaan kuasa tentera atau rampasan kuasa.

3. Rusuhan dan kekacauan awam di mana Anda memainkan peranan aktif di dalamnya.

SYARAT-SYARAT AM

1. Prasyarat Liabiliti

Pematuhan dan pelaksanaan terma, peruntukan, syarat, dan pengendorsan Polisi ini setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Hayat yang Diinsuranskan dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat sebelum sebarang liabiliti diterima oleh Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

2. Salah Nyata Umur

Polisi ini dikeluarkan mengikut umur yang ditunjukkan di dalam Jadual Polisi yang merupakan umur Hayat yang Diinsuranskan pada hari jadi lepas. Jika umur atau jantina disalahnyata di dalam borang cadangan, jumlah perlu dibayar dan semua manfaat yang terakru di bawah Polisi akan dilaraskan mengikut umur dan jantina yang betul. Jika Hayat yang Diinsuranskan tidak layak untuk insurans pada umur yang betul, Syarikat akan membayar balik Premium yang telah dibayar bagi Polisi ini (jika ada) kepada Anda. Bukti umur Hayat yang Diinsuranskan diperlukan sebelum pembayaran sebarang manfaat di bawah Polisi ini.

3. Kaedah Pembayaran Premium

Kemudahan berikut disediakan untuk pembayaran Premium

(i) Dompet digital
(ii) Kad Kredit / Debit
(iii) Perbankan dalam Talian
(iv) Potongan Baki Masa Udara Mudah Alih
(v) Bayaran tunai melalui Merchantrade

Kaedah pembayaran premium lebuh mungkin akan disediakan pada masa hadapan. Kami berhak untuk mengemas kini amalan Kami semasa diperlukan.

4. Kewajipan bagi Pembayaran Premium

Premium hendaklah dibayar pada atau sebelum tarikh kena bayar. Kegagalan untuk membayar Premium sebelum tamat Tempoh Tangguh akan menyebabkan penamatan Polisi ini.

5. Penama

Polisi ini mempunyai peruntukan untuk Anda mencalonkan penama(-penama) untuk menerima wang polisi semasa permohonan insurans hayat atau selepas Polisi ini dikeluarkan. Borang yang berkaitan akan dihantar kepada Anda atas permintaan.

6. Penipuan

Anda tidak boleh melakukan penipuan. Jika Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda membuat tuntutan di bawah Polisi ini dengan pengetahuan bahawa tuntutan tersebut palsu atau sengaja dibesarkan apa jua cara atau jika sebarang kerugian disebabkan oleh perbuatan sengaja Anda atau dengan kerjasama Anda, Kami tidak akan membayar tuntutan dan semua Perlindungan di bawah Polisi ini akan dibatalkan.

7. Pembatalan

Kami boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar tujuh (7) hari notis melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Anda yang diketahui. Kami akan memulangkan mana-mana bahagian Premium yang bersekadar dengan Tempoh Insurans belum luput dengan syarat bahawa tiada tuntutan telah dibuat.

Anda boleh membatalkan Polisi ini selepas tempoh bertenang dengan memberikan notis bertulis kepada Merchantrade. Sila ambil perhatian bahawa Polisi ini tiada bayaran balik Premium dan tiada nilai serahan.

8. Pembayaran Manfaat-manfaat

Sebarang Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada penama(-penama) yang Anda calonkan atau kepada wakil peribadi sah Anda sekiranya Anda meninggal dunia. Bayaran akan dipindahkan kepada penama(-penama) Anda.

Dalam mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) dan Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Kami berhak untuk menahan atau menamatkan urusan permohonan perniagaan/individu, polisi atau transaksi termasuk bayaran tuntutan dan bayaran balik di bawah Polisi ini sebagaimanana dianggap sesuai dan wajar.

9. Penukaran Alamat

Untuk membolehkan Kami memaklumkan Anda tentang perubahan maklumat penting yang diperlukan atau untuk menghantar kepada Anda notis pembaharuan atau apa-apa hal berkaitan Polisi, Anda diminta memaklumkan kepada Kami alamat surat-menyurat semasa Anda dan juga alamat semasa penama(-penama).

10. Penduaan Perlindungan

Anda hanya layak untuk mendapatkan satu Perlindungan di bawah Polisi ini dalam mana-mana satu Tempoh Insurans. Sekiranya terdapat dua atau berbilang Perlindungan yang dibeli untuk risiko yang sama, Kami berhak untuk membayar tuntutan di bawah mana-mana satu polisi dan seterusnya membatalkan dan memulangkan kepada Anda Premium(-Premium) yang telah dibayar bagi mana-mana baki polisi(-polisi).

11. Tempoh Bertenang

Jika atas apa jua sebab Hayat yang Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi ini, Hayat yang Diinsuranskan boleh membuat sedemikian dengan memaklumkan kepada Kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh permulaan Polisi. Kami akan membuat bayaran balik penuh Premium yang telah dibayar dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat di bawah Polisi ini.

12. Pemberitahuan Tuntutan

Jika terdapat sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan, dokumen-dokumen berikut mesti diserahkan kepada Merchantrade menerusi cawangan atau wakilnya:

- Borang Tuntutan Kematian yang lengkap; dan
- Bukti kematian yang boleh diterima bagi Hayat yang Diinsuranskan; dan
- Sebarang dokumen lain yang Kami perlukan.

Tuntutan akan dinilai dan dimaklumkan kepada penama dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas penerimaan dokumentasi lengkap. Untuk menyemak status tuntutan, sila hubungi Merchantrade:

- Emel : MI_enquiries@mtradeasia.com
- Talian Khas : 03-8313 8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00am hingga 5:30pm (Kecuali cuti umum)]

13. Pembaharuan

Jika Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh enam (66) tahun pada hari jadi lepas dalam Tempoh Insurans, Polisi ini tidak boleh diperbaharui pada akhir tempoh tersebut.

Polisi Anda akan diperbaharui selagi Premium dibayar dalam Tempoh Tangguh. Anda akan dimaklumkan mengenai pembaharuan Premium yang perlu dibayar melalui emel atau pemberitahuan SMS sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat Premium pembaharuan.

14. Kadar Premium

Jumlah Premium tidak dijamin dan Kami berhak untuk menyemak semula Premium yang perlu dibayar dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari notis awal.

15. Perubahan Polisi

Tiada perubahan Jumlah Asas Diinsuranskan atau kekerapan pembayaran premium dibenarkan bagi Polisi ini. Polisi baharu perlu dikeluarkan untuk membuat sebarang perubahan dalam Jumlah Asas Diinsuranskan atau kekerapan pembayaran premium.

16. Tempoh Tangguh

- Untuk pelan tahunan – Tempoh Tangguh ialah tiga puluh (30) hari dari tarikh kena bayar dibenarkan, dan dalam tempoh tersebut Polisi ini akan terus berkuatkuasa. Jika sebarang Premium masih tidak berbayar pada akhir tempoh tangguh, Polisi ini akan luput.
- Untuk pelan bulanan, suku tahunan dan setengah tahunan – Tempoh Tangguh tidak terpakai. Polisi ini akan luput sekiranya mana-mana Premium masih belum dibayar selepas tarikh tamat tempoh Premium. Jika sebarang Premium dibayar selepas tarikh tamat tempoh, Polisi terdahulu tidak akan dihidupkan kembali, sebaliknya polisi baharu akan

dikeluarkan.

17. Pertikaian atau Kekaburan yang Timbul daripada Terjemahan

Sekiranya terdapat konflik tafsiran antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia atau kekaburan yang timbul daripada terjemahan kepada Bahasa Malaysia, teks Bahasa Inggeris dan tafsirannya akan diutamakan.

JADUAL MANFAAT / PREMIUM

Premium yang perlu dibayar bergantung kepada kekerapan pembayaran premium dan Jumlah Asas Diinsuranskan yang dipilih:

Jumlah Asas Diinsuranskan	Kekerapan Pembayaran Premium			
	Pelan Bulanan	Pelan Suku Tahunan	Pelan Setengah Tahunan	Pelan Tahunan
RM4,000	RM1.00	RM3.00	RM6.00	RM12.00
RM6,000	RM1.50	RM4.50	RM9.00	RM17.00
RM8,000	RM2.00	RM6.00	RM12.00	RM22.00
RM12,000	RM3.00	RM9.00	RM18.00	RM30.00
RM16,000	RM4.00	RM12.00	RM24.00	RM40.00
RM20,000	RM5.00	RM15.00	RM30.00	RM50.00
RM30,000	RM7.50	RM22.50	RM45.00	RM75.00

Polisi ini melindungi:

Manfaat Kematian Asas	100% Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan akibat semua punca.
Manfaat Kematian Tambahan Akibat Penyakit Khusus	Tambahan 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar apabila berlaku kematian Hayat yang Diinsuranskan akibat demam Denggi, demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Influenza Burung atau virus Zika.